



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tun Abdul Razak  
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000  
Faks : 605 527 7273  
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

Ruj. Kami : JPNPk.(SPA)600-2/1/6 Jld.3 (11 )  
Tarikh : **31** Januari 2019

Pegawai Pendidikan Daerah  
Pejabat Pendidikan Daerah  
Negeri Perak

Tuan,

**MAKLUMAN PELAKSANAAN AKTIVITI BAGI TAHUN 2019 DI BAWAH PROGRAM USAHA SAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) DAN CAMBRIDGE ENGLISH (CE) BAGI MENINGKATKAN PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS DI MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa usaha sama KPM dan CE untuk meningkatkan pendidikan bahasa Inggeris di Malaysia ke standard antarabangsa Common European Framework of Reference (CEFR) untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa akan memasuki tahun keempat pelaksanaan pada tahun 2019.
3. Sehubungan dengan itu, mohon tuan memaklumkan kandungan surat siaran yang dilampirkan bersama-sama surat ini kepada semua sekolah di bawah pentadbiran tuan.
4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi **En. Md Faisal bin Md Yusuf di talian 05-241 4000 sambungan 149 atau 012-5529582.**

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJAH RAHIMAH BINTI MOHAMED, AMP.)**  
Ketua Sektor Pengurusan Akademik  
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Perak

s.k. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.



Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung





Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Curriculum Development Division  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Ministry of Education  
Aras 4-8, Blok E9  
Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA

J. Pendid. Pk. ( SPA ) ... 600-2/1/6



Tel : 03-8884 2000  
Faks : 03-8888 9917 / 03-8888 0560  
Laman Web : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami: KPM. 600-5/2/32 Jld. 7 ( 23 )  
Tarikh: 19 Disember 2018

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A



YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan,

**MAKLUMAN PELAKSANAAN AKTIVITI BAGI TAHUN 2019 DI BAWAH PROGRAM USAHA SAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) DAN CAMBRIDGE ENGLISH (CE) BAGI MENINGKATKAN PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS DI MALAYSIA.**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ tuan/ puan, Usaha Sama KPM dan CE untuk meningkatkan pendidikan bahasa Inggeris di Malaysia ke standard antarabangsa *Common European Framework of Reference (CEFR)* untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa akan memasuki tahun keempat pelaksanaan pada tahun 2019.

3. Bermula tahun 2016 sehingga akhir tahun 2018, pelbagai aktiviti di bawah *deliverables* yang termaktub di dalam kontrak perjanjian antara KPM dan CE telah dilaksanakan. Berikut merupakan senarai aktiviti yang telah dilaksanakan.

- a. Penjajaran kurikulum bahasa Inggeris pada tahun 2017 bagi prasekolah (KSPK), sekolah rendah (KSSR) dan sekolah menengah (KSSM) kepada standard antarabangsa *Common European Framework of Reference (CEFR) for Languages*.
- b. Latihan *Master Trainers* yang dijalankan oleh BPK bagi kurikulum bahasa Inggeris sejajar tahap penguasaan CEFR bagi Prasekolah, Tahun 1, Tahun 2, Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 pada tahun 2017 serta Tahun 3 dan Tingkatan 3 pada tahun 2018.

...2/-

- c. Penataran latihan secara *cascade* kurikulum bahasa Inggeris sejajar tahap penguasaan CEFR (**Prasekolah, Tahun 1, Tahun 2, Tahun 3, Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3**) bagi peringkat negeri dan daerah pada tahun 2017 dan 2018.
  - d. Pemantauan pelaksanaan kurikulum sejajar CEFR bagi Prasekolah, Tahun 1, Tahun 2, Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 oleh *Observers* yang dilatih oleh CE di seluruh Malaysia pada tahun 2018.
  - e. Latihan *Master Trainers* dan penataran latihan secara *cascade* bagi ***Learning Materials Adaptation*** pada tahun 2017.
  - f. Latihan *Master Trainers* dan latihan penataran secara *cascade* bagi **Latihan Pentaksiran Formatif** pada tahun 2018.
  - g. Latihan *Item Writers* dan pembinaan format UPSR, PT3 dan SPM untuk pentaksiran sejajar CEFR pada tahun 2017 dan 2018.
  - h. Semakan kandungan kurikulum latihan guru praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan pada tahun 2018.
  - i. Pelaksanaan *Evaluation Study* 2017.
  - j. Kajian Kepuasan Penggunaan Buku Teks 2017 dan 2018.
4. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2019, semua sekolah perlu memastikan:
- a. Penggunaan Dokumen Standard dan Pentaksiran (DSKP) yang sejajar dengan CEFR bermula tahun **2018 bagi Prasekolah, Tahun 1, Tahun 2, Tingkatan 1 dan Tingkatan 2;**
  - b. Penggunaan Dokumen Standard dan Pentaksiran (DSKP) yang sejajar dengan CEFR bermula pada tahun **2019 bagi Tahun 3 dan Tingkatan 3;**
  - c. Penggunaan buku teks Bahasa Inggeris berjudul **Get Smart Plus 3** bagi Tahun 3 (2019); dan
  - d. Penggunaan buku teks Bahasa Inggeris berjudul **Close-Up** bagi Tingkatan 3 (2019).


5. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini memohon jasa baik dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/tuan/puan untuk memastikan semua sekolah di negeri YBhg. Datuk/tuan/puan melaksanakan semua perubahan yang tersebut di atas. Untuk maklumat YBhg. Datuk/tuan/puan, DSKP yang terkini dan bahan *Teacher's Kit* boleh dimuat turun oleh guru di laman sesawang <http://bpk.moe.gov.my/>.

Perhatian YBhg. Datuk/ tuan/ puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR)**

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kurikulum

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

- i. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
- ii. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Operasi Pendidikan)
- iii. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
- iv. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
- v. Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)
- vi. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Guru (BPG)
- vii. Pengarah  
Lembaga Peperiksaan (LP)
- viii. Pengarah  
Bahagian Buku Teks (BBT)

- ix. Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP)
- x. Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)
- xi. Pengarah  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)
- xii. Ketua Nazir  
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK)
- xiii. Pengarah  
*English Language Teaching Centre* (ELTC)
- xiv. Ketua Pegawai Eksekutif  
Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

LAMPIRAN A

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Melaka  
75450 Melaka.  
(u.p.: **En. Razale bin Abdul Rahman**)
2. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu  
20604 Kuala Terengganu, Terengganu.  
(u.p.: **En. Wan Zuraidi bin Che Wan Zaid**)
3. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah  
05000 Alor Setar, Kedah.  
(u.p.: **En. Saw Beng Hup**)
4. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan  
70000 Seremban, Negeri Sembilan.  
(u.p.: **Pn. Nor Fadhilah binti Mohd Sharif**)
5. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang  
11700 Pulau Pinang.  
(u.p.: **Pn. Molisa binti Mokhtar**)
6. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
50604 Kuala Lumpur.  
(u.p.: **Pn. Noorhana binti Hashim**)
7. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang  
25200 Kuantan, Pahang.  
(u.p.: **Pn. Jalilah binti Salim**)
8. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
30100 Ipoh, Perak.  
(u.p.: **En. Md Faisal bin Md Yusuf**)

9. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor  
80604 Johor Bahru.  
(u.p.: **Pn. Rokiah binti Ahmad**)
10. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor  
40604 Shah Alam, Selangor.  
(u.p.: **Pn. Hanisah binti Mohd Yusof**)
11. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak  
93050 Kuching, Sarawak.  
(u.p.: **Cik Teresa Rose ak Gilbert Nyaod**)
12. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah  
88450 Kota Kinabalu, Sabah.  
(u.p.: **En Ikbal Khan bin Ismail**)
13. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan  
87020, Wilayah Persekutuan Labuan.  
(u.p.: **Pn. Amiah binti Bua**)
14. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya  
62604 Putrajaya.  
(u.p.: **Pn. Haniza binti Subari**)
15. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis  
01604 Kangar, Perlis.  
(u.p.: **En. Abdul Aziz bin Mustaffa**)
16. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan  
16010 Kota Bharu, Kelantan  
(u.p.: **En. Mohd Pathi @ Pathiuddin bin Mat Zain**)